

**Agong Berangkat Hadir Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-225
Bernama
13 Oktober , 2011**

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin hari ini berangkat menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu Ke-225 di Istana Negara di sini.

Seri Paduka diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Mesyuarat dua hari yang berakhir hari ini dipengerusikan Sultan Kelantan Sultan Muhammad V.

Semua Raja Melayu hadir kecuali Terengganu diwakili Tengku Seri Bendahara Raja Tengku Mustaffa Kamel dan Pahang oleh Tengku Mahkota Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Sementara Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng dan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud tidak hadir.

Abang Muhammad Salahuddin sedang menjalani rawatan kesihatan.

Mengiringi Raja Melayu pada mesyuarat itu ialah Menteri Besar masing-masing, manakala Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Sabah dan Melaka diiringi oleh Ketua Menteri.

Sementara itu, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Datuk Syed Danial Syed Ahmad dalam satu kenyataan berkata mesyuarat hari ini turut mendengar taklimat mengenai pertahanan dan keselamatan negara daripada Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin dan Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar.

Taklimat mengenai kedudukan ekonomi negara pula disampaikan oleh Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noriyah Ahmad.

Turut dibincangkan ialah perkara mengenai agama Islam serta pelantikan dan biasiswa Yang di-Pertuan Agong.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=619657>